

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU SME STABILISATION RELIEF FACILITY (SME SRF)?

- SME SRF merupakan kemudahan dana bantuan yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu PKS yang berdaya maju dan terjejas akibat gangguan perdagangan serta rantai bekalan yang berpunca daripada konflik geopolitik di Asia Barat, melalui pembiayaan modal kerja bagi menyokong kesinambungan perniagaan dan keperluan aliran tunai.
- Kemudahan ini ditawarkan kepada perniagaan dalam **sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan; Pembinaan; Pembuatan; Pengangkutan dan Penyimpanan; serta Perdagangan Runcit (pengusaha stesen minyak sahaja)**.
- Permohonan dibuka dari **15 Mei 2026 hingga 31 Disember 2026**, atau sehingga peruntukan dana digunakan sepenuhnya, yang mana terdahulu.
- Jumlah pembiayaan adalah sehingga **RM50,000 bagi perusahaan mikro dan RM750,000 bagi PKS**, dengan tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun, tertakluk kepada penilaian dan kriteria kelayakan Bank.
- Pembiayaan ditawarkan di bawah Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i) berasaskan konsep Tawarruq, dengan kadar keuntungan tetap dan pengiraan keuntungan secara harian dan tidak boleh digunakan untuk membiayai semula (refinance) kemudahan pembiayaan sedia ada.

Konsep Syariah yang diguna pakai bagi program ini adalah Tawarruq yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Transaksi yang pertama melibatkan pelanggan membeli komoditi daripada Bank Islam secara Murabahah (harga kos berserta keuntungan) pada Harga Jualan Bank Islam, di mana Bank Islam bertindak sebagai ejen pembelian pelanggan. Seterusnya, Bank Islam yang bertindak sebagai ejen jualan pelanggan, menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga pada harga kos secara tunai dan serta merta, dan hasil jualan tersebut disalurkan kepada pelanggan. Pelanggan hendaklah membayar Harga Jualan Bank Islam mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi perusahaan mikro, ilustrasi pembiayaan adalah seperti berikut:

➤ Amaun Pembiayaan	= RM50,000.00
➤ Ansuran Bulanan	= RM915.20
➤ Tempoh Pembiayaan	= 5 tahun
➤ Harga Jualan Bank	= RM54,912.00
➤ Kadar Keuntungan	= 3.75% setahun

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM54,912.00 pada akhir tempoh lima (5) tahun.

Bagi PKS, ilustrasi pembiayaan adalah seperti berikut:

➤ Amaun Pembiayaan	= RM750,000.00
➤ Ansuran Bulanan	= RM13,727.94
➤ Tempoh Pembiayaan	= 5 tahun
➤ Harga Jualan Bank	= RM823,676.40
➤ Kadar Keuntungan	= 3.75% setahun

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM823,676.40 pada akhir tempoh lima (5) tahun.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem** : Duti setem hendaklah tertakluk kepada ketetapan duti setem semasa yang terpakai bagi SME SRF, termasuk sebarang pengecualian atau kadar duti setem yang dikurangkan yang diberikan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- Fi ejen**: RM50.00.
- Yuran guaman dan perbelanjaan berkaitan termasuk fi firma guaman** untuk penyediaan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrutan (jika berkenaan).
- Caj bayaran lewat**: 1.00% setahun ke atas ansuran tertunggak.
- Pembatalan pembiayaan**: Semua kos yang ditanggung oleh Bank Islam, jika ada, bagi penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti serta perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan selepas pembatalan.

Note: Sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com/> untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama lima (5) tahun. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu mengetahui bahawa:

'Lock in period' tidak terpakai bagi kemudahan ini dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertangguh setelah penyelesaian awal dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta'widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menyelesaikan baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami boleh mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan melaksanakan segala remedi yang tersedia di bawah dokumen sekuriti atau perjanjian sekuriti yang berkaitan.
- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- V. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Sekiranya berkenaan, rebat akan diberikan kepada anda sekiranya terdapat perbezaan antara pembayaran penuh dan Harga Jualan Bank.
- Anda dikehendaki untuk maklumkan kepada kami sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan anda.
- Perlindungan Takaful adalah pilihan, namun anda atau pembekal anda digalakkan untuk melanggan, mana-mana perlindungan Takaful yang sesuai.
- Sekiranya anda tidak memenuhi syarat kredit minimum, Bank Islam boleh menghendaki penyediaan penjamin dan/atau apa-apa sekuriti yang dibenarkan di bawah program SME SRF dan keperluan pembiayaan Bank Islam.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu, pemilik tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami di
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan pelanggan:

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ saya mengakui bahawa Bank Islam telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Name:
Date: